

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

SEPTEMBER 1997

RMK 252 - Pengantar Pengurusan Projek

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja: **DUA** soalan daripada **Bahagian A**
DUA soalan daripada **Bahagian B**

Bahagian A (Jawab DUA soalan sahaja)

1. (a) Jelaskan makna 'Motivasi'
- (b) Dengan menggunakan ide Herzberg dan Maslow mengenai motivasi, bincangkan upah/gaji sebagai perangsang untuk kedua-dua golongan pekerja di tapak binaan ini:-
 - (i) Jurutera
 - (ii) Buruh kasar

(25 markah)

2. (a) Berikan takrifan 'Budaya'.
- (b) Nyatakan elemen-elemen di dalam sesebuah organisasi yang membentuk budayanya.
- (c) Di satu jamuan makan malam selepas seminar pengurusan mengenai budaya korporat, pengerusi syarikat menyatakan, "Budaya ini amat baik!". Menoleh kepada presiden syarikat, pengerusi tersebut berkata, "saya mahukan suatu budaya mulai Isnin ini".

(Diceritakan oleh Byrne, J.A. (1986) dalam 'Business Fads: What's In - and Out', Business Week, Jan. 20).

Di manakah silapnya pengerusi syarikat ini?

(25 markah)

3. (a) Bezakan pendapat Mintzberg daripada fahaman Fayol mengenai fungsi seorang pengurus.
- (b) Jelaskan istilah 'tuntutan', 'konstrain' dan 'pilihan' sebagaimana yang digunakan oleh Rosemary Stewart.

Bagaimanakah ketiga-tiga elemen ini berubah semakin tingginya seseorang itu berada di dalam hierarki organisasi.

(25 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan sahaja)

4. Masalah kekurangan tenaga kerja tempatan khususnya pekerja mahir memberi kesan yang negatif kepada kelancaran pelaksanaan projek-projek pembinaan di seluruh negara. Pengambilan pekerja asing tidak mampu mengatasi masalah ini sepenuhnya selain membawa kesan-kesan sampingan yang tertentu. Satu alternatif yang wujud tetapi belum digunakan sepenuhnya ialah "proses mekanisasi atau mengindustrikan" aktiviti-aktiviti pembinaan.

Pada pandangan anda sejauhmanakah potensi penggunaan alternatif ini untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja dan terangkan sebab mengapa ia tidak digunakan sepenuhnya pada masa ini.

(25 markah)

5. Penyata kaedah, carta bar dan penyata aliran tunai merupakan 3 alat perancangan yang selalu digunakan dalam menguruskan sesuatu projek.

Nyatakan persamaan dan perbezaan fungsi serta beri huraian bagaimanakah ketiga-tiga alat tersebut saling melengkapi antara satu sama lain dalam membantu pihak berkenaan dalam menguruskan sesuatu projek. Gunakan rajah dan contoh-contoh yang sesuai untuk menyokong jawapan anda.

(25 markah)

6. Firma anda telah memenangi satu kontrak untuk membina sebuah banglo 3 tingkat (konkrit dan batu bata) untuk seorang klien tertentu. Banglo berkenaan perlu disiapkan dalam tempoh 1 tahun setengah dari tarikh kontrak ditandatangani.

Rancangkan jadual kerja bagi projek tersebut dengan menggunakan kaedah 'carta precedence' yang mempunyai tidak lebih dari 15 aktiviti.

(25 markah)

-oo000oo-